

14 MAR 1998

Annuar-Umno

UMNO KELANTAN USAHA ELAK PEREBUTAN JAWATAN TIMBALAN KETUA BAHAGIAN

KOTA BAHARU, 14 Mac (Bernama) -- Selepas berjaya memastikan tiada pertandingan jawatan ketua bahagian Umno di Kelantan, Badan Perhubungan Negeri sedang berusaha mengelakkan perebutan jawatan timbalan ketua bahagian pula.

Timbalan Pengerusinya Datuk Annuar Musa berkata setakat ini empat bahagian

-- Gua Musang, Peringat, Kubang Kerian dan Tumpat - telah memersetujui bahawa jawatan itu tidak dicabar pada pemilihan yang sedang berlangsung sekarang bermula 12 Mac lepas.

"Bahagian-bahagian lain diminta menyelesaikan masalah jawatan timbalan ketua bahagian secara rundingan...kita (badan perhubungan) galakkan supaya tidak ada pertandingan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan pergerakan pemuda dan wanita bahagian Peringat, di Kok Lanas dekat sini, hari ini.

Annuar juga berkata mesyuarat badan perhubungan itu yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur pada 11 Mac lepas, melantik Timbalan Ketua Umno Kubang Kerian Tuan Mohamed Hashim Tuan Yaacob, sebagai ketua bahagian menggantikan Mat Zin Awang yang dilucutkan haknya oleh Majlis Tertinggi. Timbalan Ketua ialah anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan kawasan Salor, Ahmad Rosli Ibrahim.

Di bahagian Tumpat pula yang tidak dijelaskan masalahnya, badan perhubungan itu melantik naib ketua bahagian Datuk Kamarudin Jaafar sebagai ketua bahagian manakala Mansor Salleh yang sebelum ini sebagai ketua bahagian, dilantik timbalan ketua bahagian.

Sementara itu Datuk Mohd Fatmi Che Salleh mengekalkan jawatan Timbalan Ketua Bahagian Kota Baharu pada persidangan perwakilan bahagian itu semalam mengalahkan pencabar tunggalnya, Prof Dr Syed Abdullah Syed Mahusin.

Naib ketua bahagian dimenangi oleh Wan Abdul Ghani Wan Yusuf.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Raja Datuk Ariffin Raja Sulaiman hadir sebagai pemerhati bagi pihak Majlis Tertinggi manakala Jailani Jaafar dari Pasir Puteh selaku pengerusi urusetia pemilihan. --

BERNAMA

BD MNR RON